



SOALAN LAZIM (FAQ) SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) 2025

SEMAKAN STATUS STR 2025

A. Kaedah Semakan Status Permohonan STR

1. **S: Bagaimanakah saya boleh menyemak status permohonan STR?**

J: Semakan status permohonan STR boleh dibuat melalui:

- Portal Rasmi Sumbangan Tunai Rahmah, <https://bantuantunai.hasil.gov.my> dengan memilih menu Log Masuk MySTR>Semakan Status; atau
- Hubungi Hotline BKK : 1-800-88-2747 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang); atau
- Hubungi MOF: 03-8882 4565 / 4566 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang); atau
- Hadir ke Pejabat LHDNM yang berhampiran

2. **S: Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status permohonan STR 2025 melalui Portal Rasmi STR (<https://bantuantunai.hasil.gov.my>)?**

J: Semakan boleh dibuat seperti berikut:

- Klik log masuk MySTR
- Masukkan Nombor MyKad Pemohon
- Pengesahan Kata Kunci Keselamatan
- Masukkan Kata Laluan
- Klik Semakan Status
- Maklumat yang akan dipaparkan:
 - Status Permohonan
 - Maklumat Pembayaran (Jika Ada)

B. Semakan Status Permohonan STR

3. **S: Apakah yang dimaksudkan dengan status Permohonan Diterima dan Dalam Proses?**

J: Status **Permohonan Diterima** adalah merujuk kepada permohonan STR yang telah diterima dan akan melalui proses verifikasi mengikut tempoh permohonan dihantar. Permohonan tersebut masih dibenarkan untuk dikemas kini sehingga status permohonan ditukar kepada status **Dalam Proses**.

Status **Dalam Proses** pula adalah merujuk kepada permohonan STR yang telah diterima dan sedang dalam proses verifikasi kelayakan STR 2025.

4. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status Lulus?

J: Status **Lulus** adalah merujuk kepada permohonan STR yang menepati syarat kelayakan selepas proses semakan verifikasi dilakukan.

5. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status Tidak Lulus?

J: Status **Tidak Lulus** adalah merujuk kepada permohonan STR yang tidak menepati syarat kelayakan selepas proses semakan verifikasi dilakukan.

6. S: Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya permohonan STR saya berstatus Tidak Lulus?

J: Bagi permohonan yang Tidak Lulus, pemohon boleh merujuk Soalan Lazim (FAQ) Permohonan STR 2025 untuk mengenal pasti Alasan Tidak Lulus dan dokumen sokongan yang diperlukan semasa membuat Permohonan Rayuan STR.

7. S: Sekiranya status permohonan saya Dalam Proses, adakah saya boleh mengemas kini semula maklumat permohonan saya?

J: Tidak. Bagi permohonan berstatus **Dalam Proses** tindakan kemas kini maklumat permohonan tidak boleh dibuat sehingga keputusan dipaparkan.

8. S: Saya membuat semakan pada Menu Semakan Status Permohonan dan paparan Status Permohonan adalah Tidak Layak. Apakah yang dimaksudkan dengan Tidak Layak?

J: Sila hubungi pejabat LHDNM berdekatan untuk mengetahui maklumat lanjut berkenaan Status Tidak Layak tersebut.

9. S: Saya telah lulus STR 2025 tetapi status STR saya adalah "Dalam Proses". Apakah yang dimaksudkan "Dalam Proses"?

J: Status kelulusan STR dengan paparan status "Dalam Proses" bermaksud proses verifikasi sedang berjalan dan status akan bertukar setelah keputusan dikeluarkan.